

**SUMBER SEJARAH SEBAGAI “SUPPORTIVE EVIDENCE” DALAM
PEMILIKAN MALAYSIA DI GUGUSAN SEMARANG PENINJAU
(GSP), LAUT CHINA SELATAN (LCS)
*HISTORICAL SOURCES AS SUPPORTIVE EVIDENCE IN MALAYSIA’S
OWNERSHIP OF GUGUSAN SEMARANG PENINJAU (GSP),
SOUTH CHINA SEA (SCS)***

¹AMY AZUAN ABDULLAH

²LAI YEW MENG

³MAUREEN DE SILVA

^{1,2}*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS),
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*

³*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS),
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*

*Penulis penghubung: ¹ amyaz_abd@ums.edu.my; ² lyewmeng@ums.edu.my;
³ maureend@ums.edu.my*

Dihantar/Received: 17 Oktober 2024 | Penambahbaikan/Revised: 1 Disember 2024

Diterima/Accepted: 6 Disember 2024 | Terbit/Published: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i2.5766>

Abstrak Malaysia secara rasminya telah menduduki beberapa fitur di Kepulauan Spratly selepas terbitnya Peta Baharu Malaysia 1979 berikutan daripada kedudukan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) yang terletak dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan sempadan Pelantar Benua Malaysia di Laut China Selatan (LCS). Bersandarkan kepada prinsip ini, beberapa kes pertikaian sebelumnya telah dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) merujuk kepada pertikaian Pulau Sipadan-Ligitan (2002) dan Pulau Batu Puteh (2008) antara Malaysia, Indonesia dan Singapura. Keabsahan terhadap pemilikan GSP pula lebih dominan melibatkan konflik pertikaian di antara Malaysia, Vietnam dan China. Ironinya, Malaysia kemungkinan akan bersedia membawa penyelesaian konflik ini ke ICJ dalam masa terdekat atau beberapa dekad kemudian. Menyedari hakikat ini, kajian dalam makalah ini cuba menelusuri wacana sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” dalam pendudukan Malaysia di GSP, LCS melalui kaedah kepustakaan. Kaedah ini berteraskan disiplin sejarah dan analisa perdebatan mengenai sumber sejarah dalam perundangan antarabangsa berdasarkan hujah-hujah perspektif perundangan. Antara sumber primer yang digunakan adalah melalui laporan kes mahkamah ICJ, rekod Arkib Kebangsaan United Kingdom seperti *Public Record Office* (PRO) dan beberapa dokumen yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Arkib Negeri Sabah (ANS) serta beberapa sumber sekunder dalam bentuk artikel dan buku. Kajian mendapati bahawa, meskipun Malaysia bakal menggunakan asas *International Law* dalam pemilikan terhadap GSP, sumber sejarah boleh digunakan sebagai “*supportive evidence*” bagi mendukung prinsip kedaulatan wilayah terhadap GSP khususnya mengenai aktiviti bertaraf sejarah yang pernah dilakukan oleh British serta sebagai mekanisme kesiapsiagaan Malaysia menjawab persoalan atau asas sejarah kolonial yang bakal digunakan oleh negara penuntut yang lain.

Kata kunci: Sumber sejarah, perundangan antarabangsa, pemilikan Malaysia, Gugusan Semarang Peninjau (GSP), Laut China Selatan (LCS).

Abstract Malaysia officially occupied several features in the Spratly Islands after the publication of the 1979 New Map of Malaysia following the position of the Gugusan Semarang Peninjau (GSP) located in the Exclusive Economic Zone (EEZ) and the Malaysian Continental Shelf boundary in the South China Sea (SCS). Based on this principle, several previous dispute cases have been brought to the International Court of Justice (ICJ) referring to the disputes of Pulau Sipadan-Ligitan (2002) and Pulau Batu Puteh (2008) between Malaysia, Indonesia and Singapore. The legitimacy of GSP ownership is more dominant involving disputes between Malaysia, Vietnam and China. Ironically, Malaysia is likely ready to bring the resolution of this conflict to the ICJ in the future or decades later. Recognizing this fact, the study in this paper attempts to trace the discourse of historical sources as "supportive evidence" in the GSP, SCS. This study is based on library research method rooted in the discipline of history and the analysis of debates on historical sources in international law based on the arguments of legal perspectives. Among the primary sources used are through ICJ court case reports, United Kingdom National Archives records such as the Public Record Office (PRO) and several documents obtained from the National Archives of Malaysia (ANM) and the Sabah State Archives (ANS). The study found that, although Malaysia will use the basis of International Law in its claim against GSP, historical sources can be used as "supportive evidence" to support the principle of territorial sovereignty over GSP, especially on historical activities done by the British and as a mechanism for Malaysia's readiness to answer questions or the basis of colonial history to be used by other claimant states.

Keywords: Historical sources, international law, Malaysian ownership, Gugusan Semarang Peninjau (GSP), South China Sea (SCS).

PENDAHULUAN

Prakarsa pemilikan terhadap kedaulatan negara selalunya melibatkan asas *Customary International Law* (CIL) atau *International Law* (IL) sama ada mengenai pemilikan terhadap wilayah (*territorial*) ataupun maritim. Dalam merealisasikan matlamat ini, peri penting sumber sejarah yang pelbagai boleh digunakan sebagai senjata pengukuhan dalam perundangan antarabangsa tertakluk kepada budi bicara dan kebijakan badan kehakiman. Sumber sejarah banyak digunakan bagi menyokong hujah-hujah perundangan berdasarkan asas CIL (*Succession, occupation, prescription, accretion* dan *conquest*) terutamanya bagi kes-kes yang dirujuk di *International Court of Justice* atau Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Manakala prinsip IL pula lebih mengutamakan undang-undang kelautan antarabangsa sebagai medium penyelesaian misalnya melalui penentuan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan Pelantar Benua seperti yang termaktub dalam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut (*United Nations Convention on the Law of the Sea* atau UNCLOS). Malaysia salah satunya pernah dan masih mengharap ICJ sebagai badan antarabangsa bagi menyelesaikan pertikaian mengenai kedaulatan wilayah maritim setelah menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1957, menandatangani UNCLOS pada tahun 1982 dan meratifikasikannya pada tahun 1996. Tamsilnya, adalah merujuk kepada kes Pulau Sipadan-Ligitan antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 2002 dan kes Pulau Batu Puteh (*Pedra Branca*) dengan Singapura pada tahun 2008. Sejauh manakah sumber sejarah memberi kesan terhadap keputusan ICJ mengenai kedua-dua pertikaian ini? Adakah prinsip yang sama boleh dianjurkan dalam kes pendudukan Malaysia di Gugusan Semarang Peninjau (GSP), Laut China Selatan (LCS)?

Sorotan pada literatur mengenai isu ini banyak ditulis khususnya sebelum dan selepas kes Pulau Sipadan-Ligitan dan Pulau Batu Puteh diputuskan oleh ICJ. Kebanyakan karya yang membincangkan permasalahan ini sependapat menyatakan bahawa prinsip kawalan efektif dan kegagalan menyuarakan sebarang bantahan terhadap pelbagai aktiviti menjadi faktor penentu dalam memutuskan status pemilikan wilayah (Ismail & Govindasamy, 2019; Huh, 2015; Butcher, 2013; Djalal, 2013). Implikasinya, usaha mendepani isu ini ada dibincangkan dalam penulisan bidang perundangan termasuklah mengenai cadangan mendokumenkan serta menyimpan pelbagai sumber di Arkib Negara Malaysia (ANM). Cadangan lain termasuk memperkayakan pelbagai penyelidikan merangkumi bidang sains, perundangan dan sejarah bagi meningkatkan kepakaran dan kesiapsiagaan Malaysia setanding dengan negara luar demi kedaulatan dan maruah negara (Wan Dahalan, 2008). Garapan terhadap sorotan literatur juga mendedahkan bahawa, konflik yang berlaku dalam kes Pulau Sipadan-Ligitan dan Pulau Batu Puteh bermula setelah Malaysia menerbitkan Peta Baharu 1979 yang memasukkan pulau-pulau tersebut dalam sempadan perairan wilayah dan pelantar benua Malaysia. Keadaan ini mengakibatkan beberapa siri bantahan diajukan oleh Indonesia dan Singapura yang akhirnya memuncak dengan inisiatif penyelesaian pertikaian ke ICJ setelah semua negara yang terlibat bersetuju menyelesaikannya atas semangat penuh kepercayaan dan menerima *Framework of Joint Venture Development* (Rangka Kerja Pembangunan Bersama) dalam mencari jalan penyelesaian (Ismail & Govindasamy, 2019). *Framework of Joint Venture Development* ini merujuk kepada pendekatan kerjasama antara negara-negara yang mempunyai tuntutan bertindih terhadap wilayah tertentu, seperti *South Ledge* di perairan Pedra Branca. Pendekatan ini bertujuan untuk mengelakkan konflik dengan membolehkan negara-negara yang terlibat berkongsi sumber dan mentadbir kawasan bersama-sama tanpa perlu menetapkan kedaulatan mutlak ke atas kawasan tersebut.

Idea ini menonjolkan bahawa pertikaian wilayah yang berlaku ke atas Malaysia, Indonesia dan Singapura berpunca daripada asas perundangan ketika Malaysia menerbitkan Peta Baharu 1979. Situasi ini membolehkan Malaysia mempunyai kawalan terhadap Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan Pelantar Benua mengakibatkan bantahan dan penyelesaian diajukan oleh negara yang mendakwa mempunyai tuntutan bertindih di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, asas sejarah lebih dominan dibincangkan dalam usaha penyelesaian tuntutan bertindih ini. Tinjauan terhadap laporan ICJ mengenai kes Pulau Sipadan-Ligitan dan Pulau Batu Puteh mendapati, pelbagai hujah menggunakan sumber sejarah telah digunakan. Antaranya adalah, dokumen perjanjian yang dimeterai dalam tempoh kolonial, isu-isu penyerahan wilayah, aktiviti atau kegiatan bertaraf sejarah serta peta-peta kolonial dan moden yang dirujuk sama ada dari arkib kebangsaan United Kingdom (UK) atau tempatan. Sumber lain yang dirujuk termasuklah hasil penulisan atau buku yang bersifat primer dan sekunder (*Malaysia vs Indonesia, International Court of Justice (ICJ) 1998-2002*; *Malaysia vs Singapore, ICJ 2003-2008*).

Penulisan yang memfokuskan tentang sumber sejarah mengenai GSP boleh dikatakan tiada atau masih bertaraf sulit disebabkan oleh inisiatif kerajaan Malaysia melindungi maklumat-maklumat penting mengenainya. Malaysia mengambil iktibar supaya dokumen-dokumen tersebut tidak mudah dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu yang dikhuatiri memberikan implikasi terhadap pemilikan Malaysia. Walaupun pelbagai kisah dan ceritera mengenai pengalaman tentera Malaysia membangunkan GSP ada dinyatakan dalam *blog* dan *platform* media sosial, hanya beberapa warkah yang telah dihasilkan dalam bentuk manuskrip buku atau bab dalam buku (*Royal Malaysian Navy (RMN), 2018*; Mat Taib Yasin et al., 2020). Signifikannya, karya-karya ini lebih memfokuskan tentang perkembangan sejarah yang berlaku selepas terbitnya Peta Baharu Malaysia 1979. Oleh yang demikian, makalah ini akan

memberikan pencerahan secara sepintas lalu bagi mengatasi kelompangan mengenai sejarah GSP sebelum tarikh kritikal tahun 1979.

Beberapa artikel terkini ada ditulis mengenai kedudukan Malaysia di LCS khususnya berkenaan pendekatan dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia serta asas perundangan yang berpotensi dikukuhkan bagi menyokong kedudukan Malaysia. Secara ringkas, Malaysia sebagai sebuah negara kecil, mengamalkan pendekatan dasar luar yang pragmatik dan berhemah dikenali sebagai "*hedging*" atau "*light-hedging*" dalam menanggapi cabaran pertikaian di LCS. Pendekatan ini, yang menekankan sikap tidak memihak, melibatkan kombinasi penerimaan dan penentangan yang terpilih dalam menghadapi tekanan kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat. Walaupun strategi ini membantu Malaysia mengekalkan hubungan diplomatik yang stabil, terdapat persoalan sejauh mana pendekatan ini dapat menjamin kestabilan jangka panjang di kawasan yang strategik ini. Sifat pragmatik "*light-hedging*" juga menunjukkan ketergantungan Malaysia terhadap sokongan dari pelbagai pihak, yang mungkin menimbulkan risiko kepada kepentingan kedaulatan negara. Selain pendekatan dasar luar, kedudukan Malaysia di LCS juga mempunyai kelebihan berasaskan undang-undang antarabangsa melalui *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) dan *Customary International Law* (CIL) (Lai & Kuik, 2021a; Kuik & Ruhanie, 2020; Kuik & Lai, 2020; Lai & Kuik, 2021b; Lai et al., 2021; Kuik et al., 2022; Lai et al., 2024; Omar & Jusoh, 2024).

Dari segi kaedah kajian, makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan sebagai pendekatan utama untuk menelusuri kedaulatan dan pemilikan Malaysia di LCS. Kaedah ini mengumpulkan dan menganalisis pelbagai sumber sejarah, termasuk dokumen arkib seperti laporan *International Court of Justice* (ICJ), peta kolonial, surat menyurat rasmi, dan dokumen perundangan. Pendekatan ini menekankan penggunaan sumber primer dari Arkib Negara Malaysia, United Kingdom, dan Arkib Negeri Sabah, serta sumber sekunder seperti artikel akademik dan buku. Sumber-sumber ini dinilai secara kritikal untuk mengesahkan keaslian dan rasionalnya dalam menyokong prinsip perundangan antarabangsa seperti Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Kaedah ini membuktikan bahawa dokumen sejarah boleh digunakan sebagai "*supportive evidence*" bagi memperkukuh kedaulatan Malaysia terhadap GSP. Melalui analisis menyeluruh, makalah ini bukan sahaja menjelaskan sejarah GSP, tetapi juga membantu Malaysia bersedia dengan fakta yang kukuh daripada negara lain di peringkat antarabangsa.

Justeru, perbincangan dalam makalah ini akan menjawab persoalan mengenai sejauh mana sumber sejarah boleh dijadikan asas penyelesaian terhadap pertikaian bertindih sekali gus membentuk pemahaman mengenai sumber sejarah sebagai "*supportive evidence*". Selanjutnya, perbincangan mengenai sejarah GSP akan dinilai secara sepintas lalu sebelum terbitnya Peta Baharu Malaysia 1979 sehingga pendudukan Malaysia pada tahun 1980-an. Akhir sekali, makalah ini akan menjelaskan tentang keberadaan sumber-sumber sejarah yang tersedia dalam pendudukan Malaysia di GSP, LCS dan secara langsung memberikan gambaran tentang asas pemilikan Malaysia ke atas GSP.

DILEMA SUMBER SEJARAH DALAM PERUNDANGAN ANTARABANGSA:
IKTIBAR DARI KES PULAU SIPADAN-LIGITAN (2002), PULAU BATU PUTEH (2008)
DAN *THE SOUTH CHINA SEA ARBITRATION* (2016)

Polemik yang menyandarkan kerelevanan dan impak sumber sejarah terhadap keputusan perundangan antarabangsa masih kurang diperdebatkan. Dalam perspektif perundangan,

perdebatan menggunakan asas sejarah yang diajukan selalunya “gagal” menahan hujah undang-undang yang dikemukakan oleh pihak juri. Premis ini terbukti dimanifestasikan buat pertama kali dalam sejarah perundangan antarabangsa apabila Filipina berjaya menidakkan asas sejarah yang dikemukakan oleh China mengenai tindakannya yang dianggap mencabul peruntukan undang-undang kelautan seperti yang diperuntukkan dalam UNCLOS (*Filipina vs China, Permanent Court of Arbitration (PCA), Press Release, The South China Sea Arbitration* 2016). Kontradiksi di antara sumber sejarah dan tafsiran perundangan ini mengakibatkan terdapat segelintir para elitis dan ilmuwan menganggap sumber sejarah sebagai tidak relevan dalam perundangan antarabangsa. Tidak dinafikan bahawa, tafsiran perundangan sering kali bercanggah dengan sumber sejarah sedia ada (Forbes 2018). Namun demikian, sumber sejarah juga boleh digunakan dalam perundangan antarabangsa selain aspek-aspek penentuan kedaulatan wilayah melalui perjanjian, geografi ekonomi, kebudayaan, kawalan efektif, prinsip *uti possidetis* (sempadan sesebuah negara tidak berubah melainkan diperuntukkan sebaliknya oleh perjanjian), elitism dan ideologi (Sumner 2004). Ini bermaksud, sumber sejarah sebagai asas pemilikan menggunakan sejarah terhadap pertikaian bertindih adalah *optional*. Sumber sejarah sebagai asas pemilikan mungkin lebih kukuh dalam kes-kes tuntutan wilayah daratan berdaulat berbanding ribuan fitur-fitur berbeza dari segi geofizikal di wilayah lautan, LCS.

Dalam kes wilayah lautan LCS, perdebatan mengenai sumber sejarah dianggap penting sebagai matlamat menghargai sejarah melalui prinsip *your history vs our history* (*Round Table Discussion* (RTD) Putrajaya 2020). Prinsip ini merujuk kepada pendekatan di mana pihak-pihak yang bertikai menggunakan naratif sejarah mereka sendiri untuk menyokong pemilikan terhadap wilayah maritim tertentu. Setiap pihak mentafsir dan menyampaikan fakta sejarah berdasarkan perspektif mereka untuk mengukuhkan pemilikan ke atas kedaulatan wilayah masing-masing. Dalam pertikaian maritim, aspek ini sering muncul kerana sejarah adalah salah satu elemen penting yang digunakan untuk membuktikan hak milik dan kedaulatan wilayah, terutama apabila tiada perjanjian sempadan yang jelas. Namun, sumber sejarah juga boleh bersifat memakan diri sendiri dengan tanggapan pelbagai negara penuntut boleh menggunakan sumber sejarah sedia ada mereka (mungkin lebih banyak) dan akan memberikan masalah dalam hujah-hujah sejarah mengenai kedaulatan atau pendudukan sebuah kerajaan terhadap fitur kepulauan. Walau bagaimanapun, sumber sejarah tidak boleh diketepikan dan kerelevanannya perlu diserahkan kepada badan perundangan untuk dipertimbangkan. Sifat-sifat sumber sejarah haruslah selektif, relevan dan diiktiraf pihak kerajaan yang berautoriti mengenainya. Dalam kes Pulau Sipadan-Ligitan antara Malaysia dan Indonesia yang diputuskan pada tahun 2002 mendapati bahawa, kedua-dua pihak mengemukakan sumber sejarah dalam penghujahan mereka. Malaysia mengemukakan bukti hak pemilikan Pulau Sipadan-Ligitan menerusi beberapa siri penyerahan kuasa. Antaranya adalah; Penyerahan kuasa daripada Sultan Sulu kepada Sepanyol pada tahun 1878 dan secara berperingkat kepada Amerika Syarikat, United Kingdom, Northern Ireland dan akhirnya kepada Malaysia pada tahun 1963 (*Malaysia vs Indonesia, Malaysia Memorial, ICJ, 1999; Malaysia vs Indonesia, Press Release, ICJ 2002*).

Situasi ini dikukuhkan lagi dengan kegiatan efektif yang dilakukan oleh Malaysia melalui pelbagai gazet rasmi dan enakmen semasa Borneo Utara ditadbir oleh British. Ini termasuklah kegiatan mencari telur penyu di Sipadan berdasarkan *Turtle Preservation Ordinance of 1917*. Dokumen sejarah yang lain digunakan termasuk juga pelbagai peta *British Admiralty*, peta topografi yang dikeluarkan oleh kerajaan Hindia Belanda, peta-peta Borneo Utara dan daerah yang dibuat oleh Jabatan Survei serta peta-peta terkemudian selepas Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Meskipun Indonesia turut mengemukakan hujah-hujahnya berdasarkan sumber sejarah, termasuklah mengenai kegiatan efektif yang dilakukan oleh nelayan Indonesia, ICJ memutuskan aktiviti perikanan yang dilakukan oleh nelayan Indonesia

di kawasan tersebut tidak menggambarkan suatu aktiviti yang diselia secara rasmi oleh pihak kerajaan. Maka, aktiviti tersebut tidak menunjukkan prinsip *titre de souverain* (atas nama kedaulatan). Berbanding dengan Indonesia, ICJ berpendapat bahawa Malaysia lebih menunjukkan prinsip *animus occupandi* yang merujuk kepada niat sesebuah kuasa untuk melaksanakan pentadbiran di suatu kawasan. Oleh itu, pada tahun 2002, ICJ memutuskan bahawa Pulau Ligitan dan Sipadan adalah hak milik Malaysia berdasarkan kepada prinsip kawalan efektif (*Malaysia vs Indonesia, Malaysia Memorial, ICJ, 1999; Malaysia vs Indonesia, Press Release, ICJ 2002*).

Berbeza dengan kes Pulau Batu Puteh di antara Malaysia dan Singapura yang diputuskan pada tahun 2008, meskipun secara relatifnya Malaysia mengemukakan hujah yang lebih banyak berbanding Singapura, ICJ memutuskan untuk menyerahkan Pulau Batu Puteh kepada Singapura dan Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batuan Tengah 18 Manakala hak milik Pulau Tubir Selatan akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya (*Malaysia vs Singapore, Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge, ICJ 2003-2008*). Mahkamah memberikan keputusan berdasarkan dua perkara: Dalam penghakiman tersebut, tuntutan Kesultanan Johor terhadap hak kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, Pulau Batuan Tengah dan Pulau Tubir Selatan diiktiraf tetapi hakim mengambil kira bahawa lebih daripada 100 tahun Malaysia tidak berbuat apa-apa untuk menunjukkan haknya ke atas pulau itu (Wan Dahalan, 2008). ICJ maklum bahawa Johor gagal menyuarakan bantahan dan berdiam diri terhadap aktiviti Singapura di Pulau Batu Puteh disebabkan oleh faktor kolonialisme British. Walau bagaimanapun, tindakan mendiamkan diri diteruskan oleh Kuala Lumpur setelah Malaysia dibentuk pada tahun 1963 (*Malaysia vs Singapore, ICJ 2003-2008*). Namun begitu, sumber sejarah nampaknya terus menjadi pengimbang terhadap percaturan Malaysia ke atas Pulau Batu Puteh apabila menemui tiga buah dokumen penting di Arkib Kebangsaan, United Kingdom sekitar tahun 2016 hingga tahun 2017. Dokumen ini adalah surat menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura pada tahun 1958 mengenai insiden domestik yang dilaporkan berserta peta pada tahun 1960-an berhubung dengan operasi tentera laut di kawasan Pulau Batu Puteh (*Channel News Asia, 2017*). Walau bagaimanapun, rayuan yang dikemukakan Malaysia pada tahun 2017 telah “digugurkan” pada tahun 2018 atas sebab yang tidak diketahui.

Meskipun ICJ akhirnya memutuskan kes pertikaian diselesaikan berdasarkan prinsip kawalan efektif yang berkesan, kesemuanya ini bergantung kepada bukti sokongan yang tersedia dalam sumber sejarah. Antaranya adalah menerusi pelbagai dokumen perjanjian, surat menyurat dalaman, peta dan ordinar rasmi yang dikeluarkan bagi maksud menunjukkan terdapatnya prinsip kegiatan efektif dalam tempoh silam dan dikukuhkan dengan penerusan kegiatan efektif dalam tempoh semasa. Aspek-aspek inilah yang dimaksudkan sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” terhadap penyelesaian pertikaian kedaulatan wilayah. Meskipun asas sejarah tidak digunakan dalam tuntutan, sumber sejarah relevan harus dikemukakan bagi memastikan sokongan terhadap prinsip-prinsip perundangan antarabangsa yang digunakan. Kualiti sumber sejarah lebih dominan menjadi faktor penentu kemenangan atau kekalahan berbanding kuantiti sumber sejarah yang digunakan. Walau bagaimanapun, kontradiksi di antara sumber sejarah dan perundangan antarabangsa menjadi angkubah yang penting dalam penyelesaian pertikaian wilayah lautan. Sebagai contoh, penyelesaian tuntutan bertindih yang menggunakan peruntukan UNCLOS hendaklah memastikan bahawa sumber sejarah yang digunakan adalah memenuhi kriteria hujah undang-undang yang bakal digunakan dalam ICJ atau Mahkamah Tetap Timbang Tara (PCA).

Realiti ini wujud kerana terdapat pelbagai dimensi atau garis panduan dalam perundangan antarabangsa seperti UNCLOS yang boleh mengelirukan dan provokatif khususnya bagi pihak atau negara yang menggunakan asas sejarah. Hal inilah yang menjadikan isu pertikaian semakin kompleks antara negara-negara penuntut sekali gus menjadi pertimbangan terhadap keberanian negara-negara penuntut membawa isu tersebut ke ICJ ataupun kadang kala bersifat sebelah pihak yang terpaksa dibawa ke PCA seperti yang berlaku di antara Filipina dan China pada tahun 2016 (*Filipina vs China, PCA, South China Sea Arbitration 2016*). Sebagai contoh, dalam sumber arkib *United Kingdom Hydrographic Office Archives (UKHO)* pada tahun 1700-an hingga 1800-an menyatakan bahawa, Itu Aba dikenali sebagai pulau. Namun, dari sudut perundangan, Tribunal dalam *South China Sea Arbitration 2016* memutuskan bahawa Itu Aba dari segi fitur geografinya diklasifikasikan sebagai *rocks* dan ini mengakibatkan Itu Aba tidak mempunyai hak terhadap ZEE dan Pelantar Benua (*Filipina vs China, PCA, South China Sea Arbitration 2016*). Peruntukan mengenai definisi “pulau” jelas terkandung dalam UNCLOS 1982. Secara ringkas, *Article 121 Regime of Islands (UNCLOS 1982)* memberikan definisi pulau sebagai sekeping tanah yang dikelilingi oleh air laut ketika air laut pasang. Pulau yang membolehkan manusia hidup di atasnya adalah dibenarkan oleh UNCLOS 1982 untuk melakarkan sempadan maritim seperti sempadan laut wilayah (*territorial sea*), sempadan laut berdampingan, sempadan ZEE dan Pelantar Benua di sekeliling pulau tersebut. Menariknya, peruntukan dalam UNCLOS 1982 menyatakan, pulau yang terbentuk dari batu hanya dibenarkan untuk melakar sempadan laut wilayah (*territorial sea*) dan sempadan laut berdampingan sahaja (*contiguous zone*). Walau bagaimanapun, UNCLOS 1982 tidak membenarkan pulau yang terbentuk dari batu melakar sempadan maritim ZEE dan sempadan Pelantar Benua. Sebagai penjelasan lanjut, *Territorial Sea* menurut Artikel 3 UNCLOS 1982 menyatakan bahawa, setiap negara perairan pantai berhak untuk melakar sempadan perairan wilayah tidak melebihi jarak 12 batu nautika dari garis pangkal permulaan pembahagian sempadan maritim dimulakan dengan lakaran garis pangkal bagi negara pesisir pantai yang mempunyai bentuk muka bumi yang lurus dan tidak berlekuk. Perairan wilayah memberikan hak kedaulatan mutlak kepada sesebuah negara pesisiran pantai melepasi tanah daratan, perairan dalaman dan termasuk ruang udara dan tanah dasar laut. *Contiguous Zone* pula menetapkan negara pesisir pantai boleh menguatkuasakan dan menghukum pelanggaran undang-undang kastam, fiskal, imigresen dan undang-undang mengenai perlindungan kesihatan yang dilakukan dalam perairan wilayah. Had kepanjangan perairan berdampingan ialah 12 batu nautika (ke arah laut) dari perairan wilayah (UNCLOS 1982).

Seterusnya, dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pula, negara pesisir pantai mempunyai kepanjangan (ke arah laut) 200 batu nautika dari garis pangkal. Dalam ZEE, negara mempunyai hak dan bidang kuasa untuk menjelajahi dan mengeksplorasi, memulihara dan menguruskan sumber-sumber asli yang hidup dan yang tidak hidup. Antaranya termasuk bidang kuasa menjelajahi dan mengeksplorasi penghasilan tenaga dari air, ombak dan angin di samping pengendalian penggunaan pulau buatan manusia, melakukan penyelidikan sains marin dan perlindungan serta pemuliharaan persekitaran marin. Pelantar Benua pula terdiri dari tanah dasar laut berrnula dari 200 batu nautika dari garis pangkal perairan wilayah ke arah laut. Negara pesisir pantai mempunyai hak kedaulatan terhad dalam menjelajahi dan mengeksplorasi sumber-sumber semulajadi (mengandungi mineral, bahan semulajadi tidak hidup dan organisma hidup yang terdiri dari spesies yang menetap di situ) (UNCLOS 1982).

Ini bermakna, pulau-pulau yang ditakrifkan sebagai pulau yang terbentuk dari batu dibenarkan melalui UNCLOS 1982 untuk melakar sempadan maritim laut wilayah dan sempadan laut berdampingan sahaja. Kekeliruan dan pertikaian boleh berlaku apabila terdapat negara yang menuntut sempadan maritim ZEE dan pelantar benuanya dari garis pangkal pulau-

pulau di perairan pantainya. Sebagai contoh, apabila suatu keputusan mengenai sesebuah pertikaian dimuktamadkan, pihak yang menang mungkin akan melanjutkan tuntutan mereka sejauh 200 batu nautika lagi atas alasan ZEE dan pelantar benua. Kesalahfahaman mengenai interpretasi ZEE ini perlu diperbetulkan bagi mengelakkan isu-isu pertikaian menjadi lebih kompleks meskipun terdapat peruntukan dalam artikel 121 (3) UNCLOS yang boleh mencegah dan menghalang langkah tuntutan lebih luas mengenai wilayah maritim yang boleh mengundang provokatif dan menjejaskan kedaulatan negara lain (Kwiatkowska & Soons, 1990). Dalam kes arbitrase di antara Filipina dan China pada tahun 2016, Tribunal menegaskan bahawa perihal ZEE adalah sedemikian:

“The introduction of the exclusive economic zone was not intended to grant extensive maritime entitlements to small features whose historical contribution to human settlement is as slight as that. Nor was the exclusive economic zone intended to encourage States to establish artificial populations in the hope of making expansive claims, precisely what has now occurred in the South China Sea” (Casenote Legal Briefs 2019).

Dari kaca mata nasionalis, pemilikan menggunakan asas sejarah semata-mata adalah mendukung prinsip perundangan antarabangsa kerana tanggapan kabur mengenai istilah “Pulau” atau “Batu” dan prinsip yang dinyatakan dalam artikel 121 (3) mengenai “*regimes of islands*”. Sikap bersilengah mengakibatkan segelintir pihak menganggap UNCLOS tetap membenarkan atau memberi hak kepada sebuah kerajaan atau negara menduduki serta menguruskan fitur kepulauan di LCS termasuklah membina pulau buatan. Hakikatnya, terdapat keperluan mendesak terhadap negara penuntut yang menggunakan asas sejarah dalam menjustifikasikan Artikel 121 (3) berkenaan terma ‘*rocks*’, ‘*cannot*’, ‘*sustain*’, ‘*human habitation*’, ‘*or*’, ‘*economic life of their own*’. Prinsip dalam Artikel 121 (3) ini memberikan penjabaran terperinci mengenai sifat, ciri atau karakter suatu fitur geografi di wilayah laut yang mempengaruhi status suatu fitur dalam memberi kesan terhadap hak ZEE atau pelantar benua. Sekiranya suatu fitur diklasifikasikan sebagai “*rocks*” dan tidak dapat menyokong kehidupan manusia atau ekonomi sendiri, maka, suatu fitur batuan tersebut tidak memiliki ZEE atau pelantar benua dan hanya terbatas kepada pemilikan laut territorial sejauh 12 batu nautikal sahaja. Keputusan Tribunal mengenai arbitrase LCS 2016 antara China dan Filipina memperincikan isu ini sebagai peranan yang boleh mempengaruhi keputusan-keputusan badan antarabangsa mengenai fitur kepulauan di LCS pada masa hadapan (Gullet, 2018). Keputusan arbitrase ini juga boleh dijadikan dasar hukum bagi negara-negara penuntut lain untuk melaksanakan hak-hak berdaulatnya tanpa ada halangan dan intervensi negara lain, terutamanya dari China (Hanifah et al., 2017). Interpretasi Tribunal mengenai Artikel 121 (3) telah membuktikan bahawa asas sejarah boleh digunakan dengan mengemukakan bukti-bukti kegiatan sejarah namun pada akhirnya dipengaruhi oleh wacana persoalan adakah fitur yang “diperjudikan” tersebut boleh membawa maksud ‘*sustain human habitation*’ and ‘*economic life*’? Antara persoalan sejarah relevan yang boleh dikaji adalah, adakah fitur yang pernah didiami oleh individu atau komuniti tertentu pada masa silam tidak bergantung kepada sokongan luar yang ketara? Dan apakah kegiatan atau aktiviti masa silam yang pernah berlaku di sesebuah fitur itu menyokong prinsip membangunkan ekonomi komuniti yang terlibat atau hanya bertujuan mengekstrak sumber semulajadi dan ekonomi bagi tujuan komersial dan pulangan kepada negara asalnya?

Semua ini penting diperincikan bagi mengukuhkan hujah-hujah yang bakal memberikan implikasi sama ada status sesebuah fitur itu adalah pulau atau batu yang

mempunyai yurisdiksi mengenai ZEE sebagaimana yang diperuntukkan oleh UNCLOS. Dalam kes arbitrase Filipina dan China, Tribunal akhirnya memutuskan asas sejarah yang digunakan oleh China terhadap pendudukan komuniti nelayan tradisional di *Taiping Dao* atau *Itu Aba* sebagai tidak mendukung prinsip kestabilan komuniti. *Taiping Dao* atau *Itu Aba* panjangnya kira-kira 1.4 kilometer dan lebar sekitar 400 meter dan berada di bawah kawalan fizikal Republik China (Taiwan) yang pada masa ini menempatkan kira-kira 200 pegawai dan orang awam di lokasi tersebut. Bukti sejarah yang diajukan menyatakan terdapat rekod sejak tahun 1868 yang mengesahkan adanya sumber air minum yang berasal dari telaga, dan dianggap telah dikumpulkan dan disimpan, serta boleh "menyokong sebilangan kecil orang pada masa lalu". Terdapat juga bukti ternakan ayam dan khinzir dan adanya berbagai tumbuh-tumbuhan termasuk pisang, betik dan pohon kelapa yang diperkenalkan dan tanaman pertanian. Tribunal menyimpulkan bahawa bukti menunjukkan bahawa ciri-ciri yang lebih besar seperti *Taiping Dao* 'mampu memungkinkan kelangsungan hidup sekelompok kecil orang kerana adanya air tawar yang dapat dikumpulkan dan disimpan, tumbuh-tumbuhan untuk tempat tinggal dan pertanian terhad untuk menambah makanan dari perairan bersebelahan (*Philippines vs China, PCA, The South China Sea Arbitration* 2016; Gullet 2018, 5-38).

Dalam tempoh tahun 1920-1940 di bawah penguasaan Jepun, terdapat bukti operasi komersial untuk mengeksploitasi guano dan menangkap penyu oleh buruh dari Formosa (Taiwan). Dianggarkan bahawa kira-kira 200 orang tinggal di *Taiping Dao* pada tahun 1920-an dengan jumlah penduduk sekitar 600 orang pada tahun 1927. Namun demikian, kawasan ini selama 'beberapa tahun yang singkat' ditafsirkan oleh Tribunal sebagai "*inherently transient in nature*" (*Philippines vs China, PCA, The South China Sea Arbitration* 2016; Gullet, 2018, pp. 5-38). Manakala bukti pendudukan semasa mengenai lebih 200 orang pegawai dan orang awam yang menduduki *Taiping Dao* tidak diiktiraf kerana sangat bergantung kepada bekalan dari luar (Gullet, 2018). Keputusan ini telah membuka mata pelbagai pihak khususnya dalam membuat pertimbangan untuk menggunakan asas sejarah dalam penyelesaian tuntutan bertindih. Terdapat pandangan yang menyatakan perkara ini menjadi penanda ukur bahawa asas sejarah sememangnya tidak relevan dalam perundangan antarabangsa. Manakala ada juga pandangan yang menyatakan bahawa arbitrase Filipina dan China hanya relevan dalam penentuan jenis fitur sama ada pulau atau batu sahaja. Memetik kata-kata ahli falsafah, Qichao (1873-1929) dan Akita (2014):

"Historical materials are the cells and tissues of history; when incomplete or inaccurate, history cannot be reconstructed."
"Historical gap is created due to missing written records"; gaps in historical records may cause problems in securing title to territory and proving sovereignty over a parcel of land. History cannot be reconstructed if documents are missing" (Akita 2014).

Benar, sumber sejarah dalam perundangan antarabangsa boleh dipertikaikan. Kerelevanannya mungkin membawa kelebihan terhadap kes-kes tertentu jika ianya selaras dengan undang-undang kelautan. Namun, sebaliknya boleh membuka "*pandora's box*" (menggambarkan akibat buruk dari tindakan yang tidak dipertimbangkan dengan baik, menimbulkan komplikasi kompleks) yang akan merumitkan penyelesaian terhadap isu pemilikan khususnya yang melibatkan wilayah lautan. Dalam kes pendudukan Malaysia ke atas GSP, prinsip-prinsip perundangan ini haruslah diteliti secara mendalam jika Malaysia bercadang untuk membawa isu ini ke ICJ kelak. Hal ini demikian kerana, GSP yang terletak dalam lingkungan Kepulauan Spratly melibatkan pelbagai fitur pulau, terumbu dan batu yang


diduduki oleh pelbagai negara seperti Vietnam dan Filipina. Setiap keputusan bakal memberikan implikasi buruk terhadap pihak yang kalah kerana asas UNCLOS 1982 membolehkan juridiksi lebih luas terhadap ZEE dan boleh menjejaskan kedaulatan wilayah lautan sesebuah negara. Harus difahami bahawa, prinsip UNCLOS hanya terpakai kepada wilayah berdaulat atau tidak mempunyai pertikaian sahaja. Ini bermaksud, UNCLOS tidak dapat menyelesaikan konflik yang berlaku mengenai tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly kerana fitur-fitur tersebut masih dalam pertikaian. Namun, peruntukan dalam UNCLOS membolehkan Malaysia menuntut kedaulatan terhadap GSP berdasarkan ZEE atau setidaknya menguruskan fitur kepulauan di stesen luar pantainya sejauh 200 batu nautika menggunakan asas wilayah daratan berdaulat seperti Labuan-Pulau Mengalum dan Kudat-Pulau Mantanani. Untuk mengukuhkan prinsip perundangan ini, sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” boleh diaplikasikan. Ini bermaksud, kegiatan-kegiatan efektif yang dilaksanakan oleh Malaysia sebelum dan selepas terbitnya Peta Baharu 1979 boleh dibuktikan berdasarkan kegiatan sejarah yang berlaku di wilayah daratan berdaulat Labuan dan Kudat, Malaysia. Justeru, bagi memastikan kesiapsiagaan Malaysia mengenai pemilikan terhadap GSP, sumber-sumber sejarah yang digunakan hendaklah menyokong prinsip perundangan antarabangsa sama ada melalui CIL atau IL sebagaimana yang diperuntukkan dalam UNCLOS 1982.

SEPINTAS LALU MENGENAI SEJARAH GUGUSAN SEMARANG PENINJAU (GSP) DI LAUT CHINA SELATAN (LCS) SEBELUM PENERBITAN PETA BAHARU MALAYSIA 1979 SEHINGGA PENDUDUKAN TENTERA MALAYSIA PADA TAHUN 1980-AN

Asal mula sejarah GSP, LCS adalah kompleks dan boleh dibincangkan dalam dua dimensi. Pertama; Penerangan sejarah berdasarkan sumber-sumber pelayaran Barat dan sumber tradisional China. Sumber-sumber ini merekodkan penemuan fitur-fitur Kepulauan Spratly sehinggalah pendudukan British di Kepulauan Spratly khususnya di Pulau Spratly dan *Amboyna Cay*, termasuklah kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh British di LCS sehingga tahun 1963. Kedua; Perkembangan sejarah GSP bermula dengan kegiatan yang dilakukan oleh Malaysia menerusi pendudukan fitur-fitur utama yang disebut sebagai GSP. Keadaan ini termasuklah segala kegiatan yang dilakukan sebelum dan selepas pembentukan Peta Baharu Malaysia 1979. Perkembangan sejarah ini perlu dilakukan bagi menilai sejauh mana prinsip kegiatan yang berterusan ada dipraktikkan dalam kes GSP oleh Malaysia dan sebagai pengukuhan sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” terhadap pendudukan Malaysia di GSP. Dalam makalah ini, sejarah GSP akan dibincangkan secara sepintas lalu merangkumi perbincangan mengenai nama-nama fitur GSP dalam sumber peta awal dan kegiatan yang dilakukan oleh British terhadap sebahagian Kepulauan Spratly semasa Labuan ditadbir oleh British dan legasinya sehingga ditadbir oleh Malaysia.

Sejak terbitnya Peta Baharu Malaysia 1979, beberapa fitur di Kepulauan Spratly mula diduduki oleh Malaysia. Istilah GSP hanya diperkenalkan pada tahun 2003 oleh Laksamana Tan Sri Mohd Ramly Abu Bakar, Panglima Tentera Laut ke-11 merujuk kepada kesemua terumbu atau pulau Malaysia yang terletak di Kepulauan Spratly, LCS. Antara pulau dan terumbu yang termasuk dalam GSP adalah; Pulau Layang-Layang, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani, Terumbu Siput, Terumbu Peninjau, Terumbu Laksamana dan Terumbu Perahu (*Royal Malaysian Navy* (RMN) 2018; Lai & Kuik, 2021). Kesemua fitur ini secara berperingkat telah diduduki oleh Malaysia secara rasmi seawal tahun 1980 bermula dari Pulau Layang-Layang setelah pendudukan Malaysia ke atas Pulau Amboyna Kecil pada tahun 1977

“dirampas” oleh pendudukan tentera Vietnam pada tahun 1978. Dalam data terkini, fitur yang terdapat di GSP dikategorikan sebagai *submerged*, *rock/island* (Pulau Layang-Layang dan Terumbu Siput) dan *low-tide elevation* (Terumbu Mantatani, Terumbu Ubi & Terumbu Peninjau) (Center for Strategic and International Studies (CSIS), Asia Maritime Transparency Initiative (AMTI) 2021). Secara harfiahnya, kesemua fitur GSP ini sama ada yang dikategorikan sebagai batu, pulau atau *low-tide elevation* boleh mempunyai yuridiksi tertentu seperti yang terkandung dalam UNCLOS sama ada mengenai hak untuk melakar sempadan laut wilayah (*territorial sea*), sempadan laut berdampingan (*contiguous zone*), sempadan maritim ZEE dan sempadan Pelantar Benua dari wilayah daratan berdaulatnya, Sabah, Malaysia (RMN, 2018; Roach, 2014).



RAJAH 1 Lakaran semula Gugusan Semarang Peninjau (GSP) di Laut China Selatan (RMN 2018, 88)

Semua nama-nama fitur di GSP sebenarnya diambil dari terjemahan awal oleh pelayar Barat yang menghasilkan kartografi awal mengenai Asia Tenggara amnya dan LCS khususnya. Nama-nama lokal sama ada oleh Malaysia, China, Taiwan, Vietnam dan Filipina digunakan bagi menunjukkan keabsahan atau pemilikan suatu fitur. Isu ini sering kali disalah ertikan seolah-olah fitur-fitur tersebut secara mutlak dimiliki oleh negara-negara yang memberikan nama lokal ke atasnya. Walhal, nama-nama lokal ini misalnya dalam sumber China yang mendeskripsi serta menjelaskan nama atau lokasi awal pulau di LCS sebenarnya tidak bertujuan untuk menuntunya tetapi hanya sebagai amaran mengenai bahaya beberapa kawasan bagi tujuan pelayaran kapal mereka (Tønnesson, 2001). Bahkan, dalam perundangan antarabangsa misalnya kes-kes pertikaian yang dibawa ke ICJ, nama-nama lokal ini ternyata tidak memberi kesan terhadap negara penuntut yang menggunakannya dan hanya bersifat sebagai “pengenalan” dalam memperincikan sejarah dan geografi sesuatu fitur sahaja. Maka, tidak hairanlah apabila fitur-fitur yang terdapat di GSP juga mempunyai pelbagai nama tempatan oleh negara-negara tertentu seperti berikut:

Jadual 1

Istilah Awalan dan Nama Lokal Merujuk Kepada Sebahagian Fitur-Fitur di GSP

Istilah Awalan oleh Barat	Malaysia	China	Taiwan	Vietnam	Filipina
<i>Swallow Reef</i>	Pulau Layang-Layang	<i>Danwan Jiao</i>	<i>Danwan Jiao</i>	<i>Da Hoa Lau</i>	<i>Celerio Reef</i>
<i>Erica Reef</i>	Terumbu Siput	<i>Boji Jiao</i>	-	<i>Da En Ca</i>	<i>Gabriela Silang Reef</i>
<i>Ardasier Reef</i>	Terumbu Ubi	<i>Guangxingzi Jiao</i>	-	<i>Da Kieu Ngua</i>	<i>Antonio Luna Reef</i>
<i>Mariveles Reef</i>	Terumbu Mantanani	<i>Nanghai Jiao</i>	<i>Nanghai Jiao</i>	<i>Da Ky Van</i>	<i>Mariveles Reef</i>
<i>Investigator Shoal</i>	Terumbu Peninjau	<i>Yuya Ansha</i>	-	<i>Bai Tham Hiem</i>	<i>Pawikan Shoal</i>

Sumber: *Island Features of the South China Sea occupied by Malaysia*, <https://amti.csis.org/scs-features-map/>, 2021.


Dalam peta-peta awal mengenai LCS, fitur-fitur GSP yang menggunakan istilah Barat ini ada diterbitkan. Menariknya, terdapat fitur-fitur yang diplotkan sebenarnya ditemui lebih awal berbanding Pulau Spratly yang akhirnya dipinjamkan merujuk kepada gugusan yang terdapat di Kepulauan Spratly, LCS. Sementelahan, sumber awal melalui pemetaan LCS ada memplotkan sebahagian fitur-fitur di LCS lebih awal lagi dirujuk sebagai Pulau berbanding batu atau terumbu karang. Malahan, beberapa sumber peta secara konsisten melakarkan fitur-fitur ini dalam wilayah perairan Borneo Utara atau Sabah kemudiannya. Penelitian terhadap beberapa sumber sejarah dalam bentuk laporan hidrografi dan kartografi seawal abad ke-16 mendapati bahawa Pulau Layang-Layang pertama sekali telah ditemui pada tahun 1801 dan dinamakan sempena sebuah kapal bernama *Swallow* pada tahun 1801 dan kapal *Lady Clive* pada kedudukan 7°23'N 113°44'E. Pada tahun 1817, *Swallow* ditemui semula oleh Kapten Ross pada kedudukan 7°23'N 113°52'E (Horsburgh, 1843). Walau bagaimanapun, penemuan Pulau Layang-Layang pada abad ke-17 ini adalah berdasarkan catatan John William Norie dan James Horsburgh yang asalnya dinamakan sebagai *Swallow Rocks* (Horsburgh, 1843).

Beberapa peta awal yang memplotkan fitur-fitur di GSP ini dapat dilihat dalam terbitan peta awal oleh ahli kartografi Barat seawal tahun 1821, tahun 1860, tahun 1884, tahun 1885 dan tahun 1900-an. Sebagai contoh, *China Sea Sheet 1* oleh James Horsburgh (1821) terawal memetakan terumbu atau pulau yang pelbagai di Laut China antaranya *Swallow Rocks* (Pulau Layang-Layang), *Ardasier Breakers*, *Investigators Shoals* dan ratusan beting yang pada masa kini telah diduduki oleh negara-negara tertentu di samping menggunakan nama Inggeris seperti yang dijelaskan dalam peta James Horsburgh (Horsburgh, 1821). Kemudiannya, peta bertajuk *Archipels des Iles de la Sonde et des Iles Philippines* oleh F.A. Garnier (1860) dan peta *Indian Archipelago and Further India including Burmah, Siam, Anam, & c.* oleh Adam Black (1884) boleh dianggap sebagai peta pertama yang melabelkan *Swallow* sebagai Pulau di perairan Utara Borneo (Garnier, 1860; Black, 1884). Selain itu, peta *Kaart Van het Noordelijk Gedeelte*

(*benoorden 1 N.B.*) *Van Het Eiland Borneo* oleh J.W. Stemfoort (1885) memplotkan bahagian Utara-Barat Borneo pada bahagian *Chineesche Zee* merangkumi kawasan-kawasan fitur seperti *Investigators Klippen, Cat Marino, N.E. Shea, Z.W. Shea, Ardasier, Ardasier Bank, Swallow rif, Z. Viper, London Reven, Amboina's, Rotsen* hingga kawasan *Anambas eildanden, Natoena Cilanden* (Stemfoort, 1885). Menjelang tahun 1900-an, sebuah peta bertajuk *Kaart van het eiland Borneo (Map of the island of Borneo)* banyak memplotkan status fitur sebagai pulau (Simbol E. yang bermaksud *Eiland* atau *Poelau*) berbanding beting atau terumbu karang seperti peta lain dalam era tahun 1900-an. Antara fitur yang menggunakan status pulau tersebut adalah; *Louisa E., Royal Charlotte E., Swallow E., dan P. Amboina*. Kesemua fitur ini terletak pada kedudukan 6°N-7°N dan 112°E- 113°E iaitu terletak di kawasan perairan antara Sarawak dan Utara Borneo pada masa tersebut (*Kaart van het eiland Borneo*).

Kajian terhadap peta-peta awal mengenai GSP sangat menarik untuk diperdebatkan memandangkan fitur-fitur yang diplotkan seperti Pulau Layang-Layang adalah antara fitur terawal yang diplotkan dalam gugusan Kepulauan Spratly berbanding pulau-pulau 'sensasi' yang lain seperti Pulau Spratly dan Pulau Amboina Kecil. Dalam masa yang sama, sumber peta awal mengenai *Swallow, Louisa* dan beberapa fitur yang termasuk dalam Kepulauan Spratly nampaknya konsisten berada dalam zon atau sempadan perairan antarabangsa Borneo Utara-Sarawak-Malaysia dari zaman kolonial. Signifikannya, sumber-sumber awal pemetaan GSP ini haruslah dirujuk silang dengan sumber-sumber dokumen yang ada seperti bentuk-bentuk perjanjian di antara kerajaan tradisional atau kerajaan kolonial jika ada bagi mengukuhkan hujah mengenai pentadbiran awal fitur-fitur di GSP. Selain itu, peta-peta ini boleh digunakan dalam pembuktian prinsip-prinsip perundangan berkaitan seperti penyerahan atau *uti possidetis*. Sumber laporan hidrografi seperti *Asiatic Pilot* juga boleh dirujuk khususnya bagi memahami status atau keadaan geofizikal fitur-fitur yang terdapat di Kepulauan Spratly terutamanya GSP.

Sejarah pentadbiran awal ke atas Kepulauan Spratly jarang ditulis memandangkan status dokumen tersebut kebanyakannya bersifat rahsia dan status tuntutan terhadapnya oleh pihak kolonial seperti Perancis dan British dianggap masih boleh dipersoalkan sama ada tergantung atau telah ditinggalkan (Marston, 1987). Perkara ini jika tidak diteliti secara mendalam bakal memberikan implikasi terhadap negara-negara penuntut yang menggunakan asas sejarah legasi kolonial dalam tuntutan terhadap sebahagian Kepulauan Spratly, LCS. Meskipun sejarah pentadbiran awal ke atas Kepulauan Spratly merujuk kepada dua fitur utama seperti Pulau Spratly dan *Amboyne Cay* yang diuruskan oleh British, asas ini menandakan berlakunya kegiatan atas prinsip dan niat kedaulatan sesuatu wilayah dan kawasan sekitarnya termasuklah fitur-fitur di GSP dan ini bermaksud kawasan tersebut bukanlah *terra nullius*. Secara ringkas, kegiatan secara rasmi yang dilakukan oleh British terhadap Kepulauan Spratly adalah semasa Labuan di bawah pentadbirannya pada tahun 1877 (Lihat Rajah 2). Tindakan yang dilakukan oleh pihak British adalah dengan terbitnya *Straits Settlements Government Gazettes 1879* yang mengakibatkan British memberi persetujuan kepada peneroka awal warga Amerika dan British memacakkan bendera dan mencari guano di Pulau Spratly dan *Amboyne Cay (Straits Settlements Government Gazettes 1879)*.



RAJAH 2 Government Notification daripada W.H. Treacher (*Acting Governor of Labuan and Acting Consul-General in Borneo*) kepada William Simpson, G.F. Graham dan H.G. James untuk mengeksplorasi guano dan memacakkan bendera British di Pulau Spratly dan *Amboyna Cay* pada tahun 1877 (1038, *Straits Settlements Government Gazettes*, Government Printing Office, 1879).

Kegiatan mengeksplorasi guano dan memacakkan bendera British secara rasmi dilakukan pada awal tahun 1879 dengan melibatkan 30 orang buruh Cina dan beberapa orang Inggeris menggunakan kapal Perancis, *Parolos*, yang disewa dari Hong Kong. Namun demikian, eksplorasi ini hanya melaporkan kes serangan buruh Cina di kawasan *Amboyna Cay* akibat daripada ketidakpuasan hati terhadap majikan mereka, *Messrs. Graham & Simpson* (*Straits Times Overland* 1879). Sepuluh tahun kemudiannya pada tahun 1888, British telah membenarkan eksplorasi Guano dilakukan oleh *Central Borneo Company* (CBC) memandangkan lesen yang dianugerahkan pada tahun 1879 tidak berjaya mendatangkan hasil yang diharapkan (CO 144/66, *Labuan No. 21957*; FCO 881/5741). Tempoh masa selama 55 tahun (1877-1930) telah membuktikan bahawa pentadbiran British ke atas Pulau Spratly, *Amboyna Cay* dan kawasan sekitarnya dari wilayah daratan, Labuan tidak pernah dibantah oleh kuasa Barat yang lain. Pelbagai lawatan dilakukan oleh British untuk meneroka sumber ekonomi (Guano) yang terdapat di Pulau Spratly dan *Amboyna Cay* yang dipercayai ada dilawati oleh *Chinese junks* setiap tahun. Berdasarkan analisa Hayton (2015), kegiatan nelayan tradisional di Kepulauan Paracel dan Spratly dalam laporan Horsburgh tentang '*Chinese boats*' yang terdapat kemungkinan bermaksud, tidak kesemua nelayan yang dijumpainya adalah nelayan China. Kegiatan ini juga melibatkan '*sea gypsies*'- orang Tanka atau U-tsat atau Dan-Jia yang dipercayai tinggal di pesisiran pantai Vietnam dan Selatan China manakala selebihnya kemungkinan orang-orang Bajau dari Filipina, Orang Laut dari Malaysia dan kumpulan nomad lain yang menjalankan kegiatan perikanan tradisional di kawasan tersebut (Hayton, 2015).

Akhbar *The Straits Times* pada tahun 1913 salah satunya melaporkan lawatan Mr. A. Duken, bekas Pengurus Estet Pulau Daat (Labuan) ke Pulau Spratly dan *Amboyna Cay* seperti berikut:

“Mr. A. Duken, formerly manager of Pulau Daat Estate is, I understand, shortly going to visit the islands of Sprattley and Amboyna Cay when the weather is better. He intends to lease the islands in question for the purpose of working guano deposits known to exist thereon; both these islands belong to Labuan and lie in the middle of the China Sea, some 240 miles to the north-west of Borneo and 100 miles to the north of Labuan. Chinese junks are said to visit them annually when the weather is fine. We hope that Mr. Duken will meet with success in his venture” (The Straits Times 1913).

Hanya pada tahun 1930 bantahan dilakukan oleh Perancis disertai dengan pendudukan secara rasmi di beberapa fitur Kepulauan Spratly seperti Pulau Spratly, *Amboyna Cay*, *Discovery Reef*, *Tizard Reef*, *Ardasier* dan *Swallow Reef* (CO 273/646/5; CO 273/565/12; Marston, 1987; Tønnesson, 2006). Respon melalui bantahan telah dilakukan oleh British dengan alasan sebahagian daripada fitur yang diduduki oleh Perancis pada tahun 1930 adalah termasuk dalam wilayah British dan sejak pentadbiran dijalankan melalui prospek ekonomi dari tahun 1877, tidak ada bantahan dilakukan oleh mana-mana kuasa Barat yang lain. Dalam satu surat pada 21 Mei 1930 yang dihantar ke Kementerian Luar Perancis oleh duta British di Paris menyatakan:

“The claim lodged in 1877 having thus been confirmed by formal licence by the Crown, the islands in question remain British territory unless definitely abandoned by the Crown. . . No such abandonment has ever taken place and His Majesty's Embassy is accordingly directed to request the Ministry for Foreign Affairs to be so good as to notify the authorities in Indo-china of the fact that Spratly Island is British territory” (FO 371/14916; Marston 1987).

Perancis menduduki beberapa fitur di Kepulauan Spratly yang telah ditadbir oleh British atas alasan keselamatan strategik dan menganggap British tidak mempraktikkan kedaulatannya secara rasmi terhadap fitur-fitur tersebut. Bantahan dan pelbagai kajian terus dilakukan oleh British dan Perancis sehinggalah Pulau Spratly dan *Itu Aba* diduduki oleh Jepun seawal tahun 1937. Perkembangan ini mengakibatkan persoalan mengenai kedaulatan sebahagian Kepulauan Spratly semakin kompleks dan jelas menunjukkan Perancis juga hilang kedaulatan terhadap fitur-fitur yang didudukinya kerana gagal mengekang kemaraan dan pendudukan Jepun di sana. Dari tahun 1943 hingga tahun 1972, pelbagai inisiatif telah diambil dengan harapan isu-isu pemilikan fitur di Kepulauan Spratly dan Kepulauan Paracel dapat diselesaikan. Antaranya adalah; *The Cairo Declaration* (27 November 1943) di antara UK, US dan Nasionalis China, Chiang Kai-Shek's; *The Postdam Declaration* (26 Julai 1945) *The San Francisco Peace Treaty* (SFPT) (8 September 1951); dan *Joint Communiqué Between the People's Republic of China (PRC) and Japan* (29 September 1972). Walau bagaimanapun, kesemua dokumen dan perjanjian ini gagal menyelesaikan tuntutan dan hak khususnya terhadap Spratly dan *Amboyna Cay* sama ada di antara Jepun-China dan negara lain (Perancis, UK, US). Vietnam akhirnya menuntut berdasarkan asas penguasaan Perancis manakala Filipina merujuk kepulauan ini sebagai *terra nullius* (tidak berpenghuni atau bertuan) dan membolehkan mana-mana negara bebas untuk menuntutnya (Tønnesson 2001, 2006; Nguyen

2015). British berpendirian untuk “menggantung” atau mendiadakan diri untuk sementara waktu ketika Australia secara tidak rasmi menyoal tentang pendirian British mengenai Kepulauan Spratly. Dalam satu surat bertarikh 24 Oktober 1950, menyatakan seperti berikut:

“In our view the dominant consideration in the disposal of these Islands is their strategic importance. From that point of view, we should not object to the ownership of the Islands by France, but we should not wish their ownership to go to Japan, the Philippines, Nationalist China or, particularly, the Central People's Government of China... We do not, therefore, see any benefit in pursuing this matter at present, and propose to let it rest for the time being” (FO 371/83022; Marston 1987).

Realitinya, British sebenarnya secara tidak langsung telah menyusun semula strategi untuk menduduki atau setidaknya tidaknya mengesahkan *formal occupation* melalui kegiatan efektif yang berkesan sebagai menunjukkan niat menjalankan kedaulatan ke atas sesebuah wilayah di sebahagian Kepulauan Spratly. Walaupun British menganggap Kepulauan Spratly tidak memberi faedah kepada mereka pada masa tersebut, tetapi percaturan ini dianggap sebagai “*pawns in a game of chess*” khususnya apabila minyak dijumpai (Tønnesson, 2006). Buktinya, semasa Sabah ditadbir oleh *Crown Colony*, British dengan jelas memanasifestasikan minatnya terhadap isu LCS apabila *Statutory Instruments, The North Borneo (Alteration of Boundaries), Order in Council, 1954* dikeluarkan dan menandakan kawalan terhadap sempadan Borneo Utara adalah merangkumi kawasan pelantar benuanya di luar pantai, LCS (Arkib Negeri Sabah (ANS), *Despatches and Savings from Secretary of State, 1954*). Perkara ini diputuskan dengan mengambil kira pertimbangan terhadap kegusaran British terhadap kawasan “*Dangerous Ground*” ataupun Kepulauan Spratly kemudiannya dikhuatiri akan mudah diduduki oleh Indo-China (Vietnam) atau Filipina jika tuntutan sehingga pelantar benua tidak dilakukan (*Despatches and Savings from Secretary of State, 1954*). Niat British terhadap pentadbiran dan kawalan di sebahagian Kepulauan Spratly ini dikukuhkan lagi apabila Ketua Pesuruhjaya UK di Asia Tenggara memberitahu Pejabat Luar Negeri pada 5 Jun 1956 bahawa Panglima Tentera Laut- Ketua Panglima Tentera Laut stesen Timur Jauh telah diminta oleh Syarikat *Shell Borneo* untuk membawa ahli geologi ke Pulau Spratly dan sekitarnya untuk menjalankan kajian geologikal, geofizikal dan penyelidikan marin. Situasi ini dikatakan sebagai peluang baru British untuk menunjukkan pengesahan kedaulatannya dengan mengibarkan bendera British di Kepulauan Spratly namun *Foreign Office* (FO) dalam telegram bertarikh 12 Jun 1956 menasihatkan agar kapal British “*stay well clear of Spratly Island*” (PREM 11/1308 & Marston 1987). Telegram yang diterima tersebut juga menegaskan bahawa:

“Our claim to Spratly Island has never been abandoned but has also never been pressed, as it is considered too weak, in view of the lack of effective exercise of sovereignty, ever to be likely to win acceptance before the International Court. This remains the position” (PREM 11/1308 & Marston 1987).

Percaturan British terhadap pentadbiran sebahagian Kepulauan Spratly termasuklah fitur yang terdapat di GSP nampaknya diabsahkan secara terselindung bagi mengelakkan bantahan terbuka ataupun konfrontasi yang mungkin akan berulang sama seperti yang berlaku di antara Perancis dan British dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua. Hal ini demikian kerana, pada tahun 1950-an pertikaian mengenai Kepulauan Spratly khususnya di antara China, Filipina dan Vietnam telah bermula (Marston, 1987). British bertindak dengan melakukan

kegiatan yang bersifat *low profile* seperti menjalankan penyelidikan ke atas sebahagian Kepulauan Spratly antaranya Pulau Spratly, *Amboyna Cay*, *Swallow* (Pulau Layang-Layang) dan beberapa stesen terumbu karang pada tahun 1963 berbanding tindakan yang dianggap “agresif” apabila memacakkan bendera di Pulau Spratly, *Amboyna*, *Swallow* dan sekitarnya. Aktiviti penyelidikan ini dijalankan dengan kerjasama ahli hidrografi British, Jabatan Geologi Borneo dan *Shell Borneo* melalui beberapa inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan *Crown Colony* termasuklah melalui prospek lesen cari gali minyak yang dikeluarkan bagi tujuan eksplorasi minyak dan gas Sabah di kawasan luar Pantai (Abdullah & Lai, 2021). Pelbagai bentuk kegiatan luar pantai telah dilakukan meskipun Sabah telah menjadi sebahagian dari Malaysia pada tahun 1963. Walaupun setakat ini tiada rekod yang menyatakan kegiatan cari gali minyak misalnya ada dilakukan sehingga Kepulauan Spratly, namun, kegiatan yang dilakukan oleh syarikat cari gali minyak Sabah dan ketika Petronas ditubuhkan pada tahun 1974 boleh mengesahkan aktiviti ini memandangkan akhirnya pada tahun 1979 Peta Baharu Malaysia telahpun diterbitkan. Pastinya, situasi ini berkesinambungan daripada aktiviti-aktiviti luar pantai yang dilaksanakan oleh Malaysia sebagai bukti wujudnya legasi berterusan mengenai efektiviti di LCS amnya dan GSP khususnya. Maka tidak hairanlah apabila tahun 1979 disebut sebagai tarikh kritikal mengenai pemilikan Malaysia di LCS kerana Malaysia secara serius telah melaksanakan pelbagai ordinan, warta dan akta mengenai wilayah maritimnya sebagai tindakan *tite de souzerain* ke atas GSP, LCS.

Dengan terbitnya Peta Baharu Malaysia pada tahun 1979 yang menunjukkan sempadan perairan dan pelantar benua Malaysia, yurisdiksi pulau dan terumbu yang berada di GSP adalah dalam pemilikan Malaysia. Justeru, bagi mengukuhkan kedudukan di GSP dan menunjukkan prinsip-prinsip kehadiran berterusan di sana, kerajaan Malaysia telah membangunkan pos-pos tentera di Pulau Layang-Layang (diduduki oleh tentera pada tahun 1983) Terumbu Ubi (diduduki pada tahun 1986), Terumbu Mantatani, Terumbu Siput dan Terumbu Peninjau (diduduki pada tahun 1998). Sebelum pendudukan tentera di GSP, Operasi Tugu (Op Tugu) telah dijalankan pada tahun 1980 yang dilaksanakan oleh Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) yang diketuai oleh Lt Kol Choy Siew Pun. Kemudiannya, pembangunan terhadap GSP dimulakan dengan beberapa fasa. Fasa pertama; Dilaksanakan dari 2 hingga 19 April 1980 melibatkan kerja penyediaan tapak asas tugu. Fasa kedua; Berlangsung dari 6 hingga 20 Mei 1980 di Terumbu Laksamana. Fasa ketiga; Pemasangan tugu di atas tapak asas yang tersedia dilaksanakan dari 16 Jun hingga 10 Julai 1980 di Pulau Layang-Layang, Terumbu Semarang Barat Kecil dan Terumbu Semarang Barat Besar. Pada tahun 1992, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk membuka Pulau Layang-Layang sebagai pusat tarikan untuk aktiviti menyelam dan pelancongan dengan pembinaan resort Pulau Layang-Layang dengan kemudahan landasan pesawat bagi menampung lebih ramai pengunjung (RMN, 2018). Hak Malaysia ke atas GSP dikukuhkan dengan pengimplementasian Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan inisiatif kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia 1995 yang mencadangkan Pulau Layang-Layang salah satunya diiktiraf sebagai Pulau Peranginan bagi negeri Sabah (Undang-Undang Malaysia, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 1996). Semenjak daripada itu, pulau atau terumbu yang lain turut dibangunkan bagi mengukuhkan pendudukan Malaysia di GSP. Dari perspektif geopolitik, pulau-pulau ini dianggap sebagai *‘prized assets’* yang harus dipelihara dan dikembangkan secara lestari untuk kesejahteraan negara maritim di masa hadapan (Lai, 2018).

JENIS-JENIS KEBERADAAN SUMBER SEJARAH MENGENAI GUGUSAN SEMARANG PENINJAU (GSP), LAUT CHINA SELATAN (LCS)

Persoalan mengenai keberadaan sumber sejarah mengenai LCS boleh didapati daripada pelbagai arkib kebangsaan seperti di United Kingdom, Belanda, Portugal, Perancis dan Singapura. Pencarian terhadap sumber-sumber primer ini adalah rumit dan memerlukan masa yang panjang kerana terdiri daripada pelbagai jenis fail dan bahasa. Dalam kes LCS dan GSP khususnya, sumber-sumber sejarah dari Vietnam, Taiwan dan China juga perlu diteliti bagi mengimbangi sumber sedia ada ataupun berperanan sebagai *puzzle* yang boleh menemui jawapan bagi sesuatu isu atau setidak-tidaknya sebagai titik temu kepada persoalan sejarah. Setakat ini, pencarian terhadap sumber-sumber sejarah mengenai GSP masih dilakukan sama ada oleh pengkaji sejarah, pihak berkepentingan dan peranan yang dimainkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM). Terdapat juga sumber-sumber sejarah LCS yang disimpan sebagai koleksi persendirian di Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (CDiSS) oleh Prof. Dato BA Hamzah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) (Lai, 2021). Sumber-sumber primer ini terdiri daripada dokumen-dokumen kolonial, surat persendirian, surat menyurat dalaman, fail rasmi dan pelbagai bentuk laporan hidrografi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada sumber-sumber sejarah ini masih dikategorikan sebagai sulit dan tidak boleh diakses secara terbuka oleh mana-mana organisasi atau individu. Di Malaysia, kebenaran mengakses fail-fail bertaraf sulit mengenai GSP perlu mendapat kebenaran khas daripada Peguam Negara serta beberapa kelaziman yang perlu dirujuk kepada Majlis Keselamatan Malaysia (MKN) (RTD Putrajaya 2021). Inisiatif ini perlu bagi memastikan sumber-sumber sejarah tersebut tidak dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam hal ehwal kedaulatan Malaysia di GSP, LCS.

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa pelbagai penulisan khususnya dari bidang perundangan dan geostrategis telah dihasilkan menggunakan sumber-sumber sejarah LCS yang bersifat terbuka ataupun bertaraf sulit. Ini mengakibatkan pelbagai penulisan berbentuk sumber sekunder seperti buku atau artikel telah diterbitkan. Kesemuanya ini dianggap sebagai sumber-sumber yang relevan dalam perundangan antarabangsa. Maka tidak hairanlah apabila hujah mengenai kes Pulau Sipadan-Ligitan dan Pulau Batu Puteh turut menggunakan sumber-sumber sekunder yang menjelaskan tentang sejarah kerajaan tradisional dan hubungan yang berlaku dalam masyarakat tradisional bagi menyokong sumber primer sedia ada. Kaedah yang sama juga perlu digunakan dalam kes GSP di LCS, Malaysia. Selain daripada itu, sumber-sumber sejarah tempatan sama ada melalui tradisi lisan ataupun kearifan lokal yang boleh didapati dari memorial kolektif pihak-pihak tertentu perlu diperkukuhkan. Namun, sandaran kepada sumber kearifan lokal ini haruslah mendukung prinsip *Tite De Souverain* yang boleh dibuktikan melalui dokumen kolonial yang mengesahkan aktiviti seperti kegiatan perikanan yang dijalankan oleh nelayan tradisional di Sabah. Alangkah ini perlu bagi memastikan sumber sejarah kearifan lokal boleh digunakan dalam memperkayakan penulisan sejarah dan relevan dalam perundangan antarabangsa. Secara ringkas, antara sumber-sumber sejarah yang terdapat mengenai GSP, LCS dijelaskan dalam jadual 2 dan 3 di bawah:

Jadual 2

Kategori fail Admiralty and Ministry of Defence (ADM), Colonial Office (CO), Foreign Office (FO), Foreign & Commonwealth Office (FCO), Prime Minister Office (PREM) & War Office (WO) di National Archives, United Kingdom Mengenai Kepulauan Spratly, Laut China Selatan

Bil.	No. Penerimaan	Tajuk Fail
1.	CO 273/573/23	Spratly (or Storm) Island and Amboyna Cay: Query about ownership.
2.	CO 273/635/2	Spratly Island and other island in the China Sea.
3.	CO 273/646/5	Spratly Islands: question of sovereignty.
4.	FCO 21/1506	Territorial disputes of China: airspace and islands in South China Sea
5.	FCO 51/201	The Spratly Islands: Islands in the China Sea between South Vietnam and Philippines: territorial claims by various states.
6.	CO 1030/396	International status of Spratly and neighbouring islands in South China Seas.
7.	FCO 15/1863	Claims by South East Asian Countries to islands in South China Sea.
8.	FCO 15/2367	Malaysian interest in Amboyna Cay.
9.	FCO 51/411	Memorandum on claims to Spratly Islands in South China Sea.
10.	FO 881/5741	BORNEO: Memo. Grant of Lease to Central Borneo Company to work Guano on Spratly Island and Amboyna Cay. (Sir. E. Hertslet).
11.	FO 881/5740	BORNEO: Memo. Intention of Central Borneo Company to Exploit Guano from Spratly Island and Amboyna Cay. (Mr. A. Walmisley).
12.	FO 371/127311	Claims by China to islands of South China Seas.
13.	ADM 116/3936	Sovereignty of Islands in South China Seas.
14.	CO 144/66	Labuan No. 21957 Spratly Island & Amboyna Cay
15.		Labuan No. 18080 Islands of Amboyna Cay & Spratly Islands.
16.		Labuan No. 15402 The Company intention to exploit the Guano on the Islands of Amboyna Cay & Spratly Island.
17.		Labuan No. 17226 Islands of Amboyna Cay and Spratly Island.
18.		Labuan No. 2231 Guano licenses to work and occupy. Amboyna Cay and Spratly Island.
19.		Labuan No. 4963 Amboyna Cay and Spratly Island
20.		Labuan No. 14021 Amboyna Cay and Spratly Island (IMG 3944)
21.		Labuan No. 20772 Guano License Amboyna Cay & Spratly Island.
22.		Labuan No. 17710 Amboyna Cay and Spratly Island.

23.		Labuan No. 2793 Amboyna Cay & Spratly Island
24.		Labuan No. 23926 Spratly Island and Amboyna Cay
25.	FCO 15/2309	Claims to the Spratly Islands.
26.	FCO 51/200	The Spratly Islands in the China Sea between South Vietnam and Philippines territorial claims by various states.
27.	FCO 51/246	Spratly Islands, South China Sea.
28.	PREM 11/1308	Spratly Island.
29.	WO 208/1693	Netherlands (Possessions) Intelligence Report; Java, Lesser Soenda Islands, Dutch Timor, Borneo, Celebes, Boeroe Island, Amboina Island and Ceram.
30.	WO 252/607	Eastern Malaya: reports on topography, coast ports and inland towns.
31.	CO 273/580/6	Spratly or Storm Island
32.	CO 273/565/12	Spratly or Storm Island
33.	CO 273/565/23	Spratly or Storm Island
34.	CO 273/635/2	Spratly Island
35.	CO 273/589/4	Spratly Island
36.	CO 1030/396	The Status of Spratly Island
37.	DO 35/2827	Japan Peace Settlement -Spratly and Amboyna Cay
38.	FCO 51/411	South and Southeast Asia - The Spratly Islands
39.	FCO 141/17019	Peace Treaty for Japan - Islands of Spratly and Aboyna Cay
40.	FCO 15/1440	Claim of Philippines and Other Countries to Islands in South China Sea
41.	FCO 15/1863	Claims by Southeast Asian countries to islands in South China Sea
42.	FCO 15/1864	Claim by Southeast Asean Countries to islands in the SCS
43.	FCO 15/1865	Claim by SEA to Islands in the SCS
44.	FO 371/76038	Ownership of the Islands of Spratly and Amboyna Cay and the Parcel
45.	FCO 881/5741	Borneo; Memorandum. Grant of lease to central Borneo Company to work Guano on Spratly Island

Sumber: Diubah suai daripada Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Arkib Negara Malaysia 2020 (Tidak diterbitkan).

Jadual 3

Sumber-Sumber Lain (Arkib Negeri Sabah, Laporan Hidrografi dan Peta)

Bil.	Nama Fail/ Dokumen	Kategori
1.	Horsburgh, James, <i>India Directory or Directions for Sailing to and from the East Indies, China, Australia, And the Interjacent Ports of Africa and South America: Compiled chiefly from Original Journal of the Honourable Company's Ships, and from Observations and Remarks, resulting from the Experience of twenty-one years in the navigation of those seas</i> , Vol 2, London: WM. H. Allen, 1843.	Laporan Hidrografi
2.	<i>Asiatic Pilot</i>	Laporan Hidrografi

3.	<i>British Raremaps Collection</i> <i>China Sea Sheet 1</i> oleh James Horsburgh (1821) <i>Archipels des Iles de la Sonde et des Iles Philippines</i> oleh F.A. Garnier (1860) <i>Indian Archipelago and Further India including Burmah, Siam, Anam, & c.</i> oleh Adam Black (1884) <i>Kaart Van het Noordelijk Gedeelte (benoorden 1 N.B.) Van Het Eiland Borneo</i> oleh J.W. Stemfoort (1885)	Peta/Kartografi
4.	<i>Leiden Digital Collection</i> <i>Kaart van het eiland Borneo (Map of the island of Borneo)</i>	Peta/Kartografi
5.	Arkib Negeri Sabah (ANS) <i>Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia 1959.</i> <i>Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia 1963.</i> Kotak No: Ai (8). <i>Despatches, Chairman to Governor 1897.</i> Kotak No: Aii (2). <i>Despatches, Governor to Court of Director 1914.</i> <i>MISC. Collection of Treaties and Other Documents Affecting the State of Malaysia, 1761-1963, Vol. II</i> MISC/C/2. <i>Prospecting License (Marine Areas)</i> . The Governor of the Colony of North Borneo and Shell Company of North Borneo Limited. 1958. MISC/C/3. <i>Oil Prospecting License</i> . The Minister of Natural Resources of the State of Sabah and Esso Exploration Malaysia Inc. 1 November 1965. MISC/C/4. <i>Oil Prospecting License (Marine Areas)</i> . The Chief Minister of The State of Sabah and Oceanic Exploration and Development Corporation. 2 April 1969	Perjanjian, Laporan Rasmi, Surat menyurat & Lesen

Sumber: Kajian arkib pelbagai untuk projek TR@M001-2019, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 2020.

Sumber-sumber yang dinyatakan merupakan sebahagian daripada sumber sedia ada yang boleh menjelaskan tentang sejarah GSP, LCS. Meskipun tidak ada disebutkan secara spesifik jenis-jenis fail khususnya yang terdapat di Arkib UK mengenai fitur yang terdapat di GSP seperti Pulau Layang-Layang, sumber-sumber ini boleh membantu Malaysia dalam mendukung elemen-elemen sejarah seperti berikut: Pertama; Penjelasan sejarah secara tidak langsung mengenai pengesahan yurisdiksi British ke atas Kepulauan Spratly dan kawasan sekitarnya termasuklah GSP. Kedua; Penjelasan mengenai perkembangan aktiviti ekonomi yang dilakukan di Kepulauan Spratly. Ketiga; Perdebatan mengenai persoalan keabsahan mengenai tindakan pihak kolonial seperti Perancis dalam hal ehwal mengenai pendudukan di Kepulauan Spratly dan isu-isu bantahan yang dibuat. Keempat: Membantu memberikan penjelasan sejarah mengenai kegiatan-kegiatan tradisional yang pernah berlangsung di Kepulauan Spratly melibatkan nelayan tradisional China, Vietnam dan Malaysia. Manakala

sumber-sumber sejarah yang terdapat di Arkib Negeri Sabah (ANS) misalnya boleh dijadikan rujukan mengenai penerusan legasi British ke atas Borneo Utara selepas Malaysia dibentuk. Ini termasuklah mengenai persoalan tentang sejauh mana aktiviti ekonomi dilakukan oleh British dan legasinya mengkodifikasikan pentadbiran LCS misalnya dalam hal ehwal cari gali minyak dan gas Sabah serta pelbagai peristiwa sejarah yang boleh menyokong prinsip-prinsip perolehan wilayah seperti penyerahan, penguasaan, preskripsi (perlaksanaan kedaulatan) dan prinsip perundangan antarabangsa yang sering disebutkan seperti *tite de souverain, animus occupandi, terra nullius, res nullius dan uti posseditis*.

Setakat artikel ini ditulis, kajian mempercayai bahawa terdapat lebih banyak sumber-sumber primer lain yang boleh didapati di tempat-tempat lain seperti Perancis, China, Taiwan, Jepun, Vietnam, Brunei dan Filipina. Hal ini demikian kerana, sebahagian daripada negara-negara tersebut merupakan antara negara penuntut yang berpotensi membawa isu tuntutan bertindih ke ICJ atau PCA. Pelbagai dokumen sejarah yang lain seperti laporan hidrografi dan peta-peta kolonial juga perlu dianalisis bagi mengukuhkan persoalan sejarah atau setidak-tidaknya dalam memberikan gambaran awal mengenai GSP. Ini penting bagi memastikan Malaysia sedia berhujah dalam pelbagai dimensi dan tidak bersifat satu perspektif atau *myopic*. Memandangkan isu pertikaian wilayah berkait rapat dengan kepentingan nasional dari pelbagai aspek, negara yang terlibat enggan kehilangan wilayah yang dituntut kerana kerisauan wujud implikasi politik domestik, ekonomi dan sosial yang bakal berlaku. Perkara yang lebih penting adalah apabila pemimpin negara gagal untuk mendapatkan hak pemilikan ke atas wilayah yang dituntut, hal ini berpotensi menonjolkan kelemahan kerajaan yang memerintah (Allison & Hensel, 2002). Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab yang penting untuk memilih asas pemilikan yang sesuai dalam kes GSP. Sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” boleh digunakan dalam memulakan perdebatan mengenai perkembangan dan efektiviti yang dilakukan di GSP serta sebagai *counterattack* mematahkan hujah-hujah negara yang menuntut menggunakan asas sejarah. Bercambah dari fakta inilah membuktikan Malaysia dikatakan tidak menuntut menggunakan asas sejarah tetapi menggunakan perundangan antarabangsa khususnya selepas Peta Baharu Malaysia 1979 diterbitkan (RTD, Putrajaya 2021). Dalam satu temubual eksklusif bersama Tan Sri Syed Hamid Albar, mantan Menteri Luar pada Julai 2021 menyatakan:

“You should never use historical basis. We must use the Law of the Sea, UNCLOS. In international law, historical basis has no right. It can be used as a step to argue, but it cannot withstand legal argument and we know that if it is within our EEZ... That is the basis. Layang-Layang was a good thing. We occupy and we have control over it, and we exercise supervision over it so that is give us solid ground rather than the history of it” (Transcribed, Meeting with Tan Sri Dato’ Seri Dr. Syed Hamid Albar, 27 April 2021).

KESIMPULAN

Konklusinya, persoalan mengenai sumber sejarah dalam perundangan antarabangsa boleh dijadikan prinsip dalam penyelesaian pertikaian wilayah kedaulatan waima keberhasilannya mungkin relevan dalam pemilikan terhadap wilayah daratan berdaulat sahaja. Berbeza dengan situasi yang berlaku di LCS, isu keabsahan pemilikan ataupun pendudukan sesebuah negara ke atas fitur kepulauan yang menggunakan asas sejarah sering kali boleh dipersoalkan dari perspektif perundangan. Walau bagaimanapun, pendudukan Malaysia ke atas GSP pada tahun

1980-an mempunyai korelasi yang signifikan dari perspektif sejarah khususnya semasa British mentadbir Labuan melalui aktiviti ekonomi yang dilakukan ke atas Pulau Spratly dan *Amboyna Cay* di LCS. Ironinya, walaupun GSP tidak dinyatakan secara rasmi dalam sumber kolonial, beberapa dimensi lain wajar diteliti oleh pakar sejarah, ahli perundangan, geostrategis dan ahli geologi mengenai persoalan ZEE dan Pelantar Benua Sabah yang mempunyai hubung kait dengan prinsip efektiviti di GSP dalam tempoh kolonial hingga Malaysia secara rasmi menduduki dan mengurus tadbir GSP. Jelas, terdapat beberapa sumber sejarah yang boleh menjawab persoalan sejarah mengenai GSP. Walaupun sumber-sumber sejarah tersebut tidak mempunyai kekuatan sebagai asas pemilikan Malaysia terhadap GSP, sumber sejarah sebagai “*supportive evidence*” adalah manifestasi terhadap kesiapsiagaan Malaysia menjawab persoalan sejarah dalam berhadapan dengan negara-negara penuntut yang menggunakan asas sejarah kolonial jika Malaysia “terpaksa” menyelesaikannya di ICJ kelak.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas pembiayaan kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Strategik *Translational Research* (TR@M001-2019) bertajuk Sumber Semulajadi dan Potensi Pembangunan Strategik Ekonomi Luar Pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang.

RUJUKAN

Sumber Primer

Dokumen *Public Record Office* (PRO) dan Arkib Negeri Sabah (ANS)

1038, *Straits Settlements Government Gazettes*. (1879). *Government Printing Office*.
Annual Report Geology, Borneo Region. (1963). United States: Government Printing Office.
CO 144/66. *Labuan No. 21957*. Spratly Island & Amboyna Cay, Memo on the intention of the Central Borneo Co. to exploit Guano there from.
CO 273/565/12. *Spratly or Storm Island*, 1930-1931.
CO 273/646/5. *Spratly Islands: Question of Sovereignty*, 1938-1939.
Despatches and Savings from Secretary of State. 1954. Kotak No: Aiii (5).
FCO 881/5741. *Borneo; Memorandum. Grant of lease to central Borneo Company to work Guano on Spratly Island*.

Akhbar

Channel News Asia. (2017). UK Documents Cited for Malaysia’s Application to Revise Pedra Branca Decision. <http://www.channelnewsasia.com>.
Lai, Y. M. (2018). “What’s the fuss about “islands”? The significance of maritimeterrestrial features from a geo-security perspective”. *SIRC Newsletter*.
Straits Times Overland Journal. (1879). Labuan. 14 November.
The Straits Times. (1913). Labuan Notes. 3 March.

Peta

Black, A. (1884). *Indian Archipelago and Further India including Burmah, Siam, Anam, & C.*

Garnier, F.A. (1860). *Archipels des Iles de la Sonde et des Iles Philippines*.

Horsburgh, J. (1821). *China Sea Sheet 1*.

Leiden Digital Collection. *Kaart van het eiland Borneo (Map of the island of Borneo)*.

Stemfoort, J.W. (1885). *Kaart Van het Noordelijk Gedeelte (benoorden 1 N.B.) Van Het Eiland Borneo*.

Laporan Kes Mahkamah

Malaysia vs Indonesia. (1998-2002). *Case Concerning Sovereignty Over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan*. International Court of Justice (ICJ). <https://www.icj-cij.org/>

Malaysia vs Indonesia. (2002). *Press Release, The Court finds that sovereignty over the islands of Ligitan and Sipadan belongs to Malaysia*. International Court of Justice (ICJ). https://www.icj-cij.org/public/files/case-related/102/102-20021217PRE-01_00EN.pdf.

Malaysia vs Singapore. (2003-2008). *Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge*. International Court of Justice (ICJ). <https://www.icj-cij.org/case/130>

The Republic of The Philippines V. The People's Republic of China. (2016). *The South China Sea Arbitration*. Permanent Court of Arbitration (PCA). <https://pca-cpa.org/ar/cases/7/>

Temu bual

Temu bual bersama Prof. Dato' BA Hamzah, Pengarah Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa (CDiSS) oleh Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng. (Mei 2021). Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Transkrip

Albar, S. H. (2021). *Meeting with Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Albar* [Transcript]. Bukit Damansara: Kuala Lumpur. (Unpublished item)

Round Table Discussion (RTD) untuk projek TR@M001-2019. (2020). Putrajaya: Kuala Lumpur. (Tidak diterbitkan).

Undang-Undang

Undang-Undang Malaysia. *Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984*. <https://www.kpdnhep.gov.my/>.

United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS). (1982). https://www.un.org/depts/los/convention_agreements/texts/unclos/unclos_e.pdf

Sumber Sekunder

Abdullah, A. A., & Lai, Y. M. (2022). Perkembangan Industri Minyak dan Gas di Sabah (1881-1980): Satu Penelitian Terhadap Eksplorasi Minyak dan Gas oleh British-Borneo di Laut China Selatan. *Kemanusiaan*, 29(2), 177-210. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.9>

Akita, L. G. (2014). *Think Great, Be Great*. New York: Createspace Independent Publishing Platform.

Allison, M. E. & Hensel, P. R. (2002, March 24). *Who Cares? Domestic Politics and the Management of Territorial Claims*. [Paper presentation]. Annual Meeting of the International Studies Association, New Orleans, USA.

- Roach, J. A. (2014). *Malaysia and Brunei: An Analysis of their Claims in the South China Sea*. A CNA Occasional Paper (Document No. IOP-2014-U-008434). <https://www.cna.org/reports/2014/iop-2014-u-008434.pdf>
- Butcher, J. G. (2013). The International Court of Justice and the territorial dispute between Indonesia and Malaysia in the Sulawesi Sea. *Contemporary Southeast Asia*, 35(2), 235-257.
- Casenote Legal Briefs. (2019). *Casenote Legal Briefs: International Law, Keyed to Damrosch and Murphy's*. New York: Wolters Kluwer Law & Business.
- Centre for Strategic & International Studies (CSIS). (2021). *Rocks, Reefs, Submerged Shoals—Who Claims or Occupies Them?* <https://amti.csis.org/scs-features-map/>.
- Djalal, H. (2013). Dispute between Indonesia and Malaysia on the Sovereignty Over Sipadan and Ligitan Islands. *Jurnal Hukum dan Perjanjian Internasional: Opinio Juris*, 12(10), 8-25.
- Forbes, V.L. (2018). *Archival Research to Enhance Territorial and Sovereignty Claims*. In T. S. Hsieh (Ed.), *The South China Sea Disputes: Historical, Geopolitical and Legal Studies* (pp. 61-91). La Trobe University.
- Gullet, W. (2018). The South China Sea Arbitration's contribution to the concept of juridical islands. *Questions of International Law (QIL)*, 47, 5-38. <https://www.qil-qdi.org/south-china-sea-arbitrations-contribution-concept-juridical-islands/>
- Hanifah, T., & Suseyorini. (2017). Penyelesaian Sengketa Gugatan Filipina Terhadap China Mengenai Laut China Selatan Melalui *Permanent Court of Arbitration*. *Diponegoro Law Journal*, 6(1). <https://ejournal3.undip.ac.id/index.php/dlr/article/view/15677>
- Hayton, B. (2015). *The South China Sea, The Struggle for Power in Asia*. United States: Yale University Press.
- Horsburgh, J. (1843). *India Directory or Directions for Sailing to and from the East Indies, China, Australia, And the Interjacent Ports of Africa and South America: Compiled chiefly from Original Journal of the Honourable Company's Ships, and from Observations and Remarks, resulting from the Experience of twenty-one years in the navigation of those seas* (Vol. 2). London: W. M. H. Allen.
- Huh, S. (2015). Title to Territory in the Post-Colonial Era: Original Title and Terra Nullius in the ICJ Judgement on Cases Concerning Ligitan/Sipadan (2002) and Pedra Branca (2008). *European Journal of International Law*, 26(3), 709-725. <https://doi.org/10.1093/ejil/chv036>
- Ismail, A., & Govindasamy, G. (2019). Tuntutan Undang-Undang dan Pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca. *Akademika*, 89(1), 83-95. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8901-07>.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (1996). *Piawaian Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau*. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Kwiatkowska, B., & Soons, A. H. A. (1990). Entitlement to Maritime Areas of Rocks which cannot Sustain Human Habitation or Economic Life of Their Own. *Netherlands Yearbook of International Law*, 21, 139-181. <https://doi.org/10.1017/S0167676800002087>.
- Kuik, C. C., & Lai, Y. M. (2020). The Twin Chessboards of US-China Rivalry: Geostategic Supply and Demand in Post-Pandemic Asia. *Asian Perspective*, 45(1), 2-21. John Hopkins University Press.
- Kuik, C.C., Ahmad, A. R. & Lai, Y. M. (2022, June 9). *Finland and Sweden today, Southeast Asia tomorrow?* ThinkChina. <https://www.thinkchina.sg/finland-and-sweden-today-southeast-asia-tomorrow>

- Kuik, C.C., & Ruhanie, A. (2020). "Hedging" di Laut China Selatan: Satu Analisis Dasar Luar Malaysia mengikut Perspektif Realisme Neoklasik (NCR). *JEBAT: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 58-86. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44773/11537>
- Lai, Y. M., & Kuik, C. C. (2021a). Structural Sources of Malaysia's South China Sea Policy: Power Uncertainties and Small-State Hedging. *Australian Journal of International Affairs* (AJIA), 75(3), 277-304. <https://doi.org/10.1080/10357718.2020.1856329>
- Lai, Y. M., & Kuik, C. C. (2021b, June 21). *Evolving Policy: Malaysian Diplomacy in the South China Sea*. Australian Outlook. <https://www.internationalaffairs.org.au/australianoutlook/evolving-policy-malaysian-diplomacy-in-the-south-china-sea/>
- Lai, Y. M., Kuik, C. C., & Abdullah, A. A. (2021). Pulau Layang-Layang in Malaysia's South China Sea Policy: Sovereignty Meets Geopolitical Reality amid China-U.S. Rivalry. *International Journal of China Studies*, 12(2), 189-222. <https://adab.um.edu.my/index.php/IJCS/article/view/36495>
- Lai, Y. M., Kuik, C. C., & Abdullah, A.A. (2024). Pulau Layang-Layang in the Context of South China Sea's Geopolitics: A Malaysian Perspective. In Y. M. Lai, E. Saleh, & M. H. Abdullah (Eds.), *Pulau Layang-Layang, Malaysia's Gem in the South China Sea*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Marston, G. (1986). Abandonment of Territorial Claims: The Cases of Bouvet and Spratly Islands. *British Yearbook of International Law*, 57(1), 337-356. <https://doi.org/10.1093/bybil/57.1.337>
- Nguyen, T. L. A. (2015). Origins of the South China Sea Dispute. In J. Huang & A. Billo (Eds.), *Territorial Disputes in the South China Sea: Navigating Rough Waters* (pp. 15-35). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1057/9781137463685_2
- Omar, M. A., & Jusoh, S. (2024). Establishing Animus Occupandi for Effective Occupation of Pulau Layang-Layang: Analysis of Past Decided Cases. In Y. M. Lai, E. Saleh, & M. H. Abdullah (Eds.), *Pulau Layang-Layang, Malaysia's Gem in the South China Sea*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Royal Malaysian Navy (RMN). (2018). *Guardian of the Frontier*. Kuala Lumpur: Royal Malaysian Navy Sea Power Centre. (Tidak diterbitkan).
- Sumner, B. T. (2004). "Territorial Disputes at the International Court of Justice". *Duke Law Journal*, 53(6), 1779-1812. <https://scholarship.law.duke.edu/dlj/vol53/iss6/3>.
- Tønnesson, S. (2001). *An International History of the Dispute in The South China Sea* (East Asia Institute Working Paper No. 71). National University of Singapore.
- Tønnesson, S. (2006). The South China Sea in the Age of European Decline. *Modern Asian Studies*, 40(1), 1-57. <https://doi.org/10.1017/s0026749x06001727>.
- Wan Dahalan, W. S. A. (2008). Pulau Batu Puteh: Isu Pertikaian hak kedaulatan antara Malaysia dan Singapura. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 12, 92-100. <https://ejournal.ukm.my/juum/article/view/7540>.

AMY AZUAN ABDULLAH (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang pengkhususan adalah Sejarah dan memfokuskan kajian berkaitan Sejarah Politik Maritim Asia Tenggara khususnya Sejarah Laut China Selatan (LCS).

LAI YEW MENG (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang pengkhususan adalah Politik dan Hubungan Antarabangsa. Terkini, beliau merupakan Ahli Majlis Perundingan Kebangsaan Luar Negeri (CCFP) yang memberikan nasihat kepada Menteri Luar dan Kementerian Luar Negeri Malaysia selain aktif dalam penyelidikan mengenai Dasar Luar, Politik dan Maritim Malaysia.

MAUREEN DE SILVA (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang pengkhususan adalah Sejarah Asia Tenggara dan memfokuskan kajian berkenaan Sejarah Buruh Kolonial Asia Tenggara dan penyelidikan berkenaan Sejarah Sabah.